

# JAWATAN KOSONG

Projek **The Malaysian Cohort** yang berurusetia di Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI) merupakan satu projek penyelidikan kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kabinet dan ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (**MOSTI**). Kami menjemput anda **WARGANEGARA MALAYSIA, BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

## 1. PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F41

- a) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T1 RM 1899.01);  
ATAU
- b) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T3 RM2082.69)

### Deskripsi tugas:

- Menguruskan keperluan teknikal dan rangkaian di dalam projek.
- Berkepakaran di dalam pengoperasian, penyelenggaraan konfigurasi server.
- Melaksanakan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Projek atau Ketua Operasi dari semasa ke semasa

## 2. PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F29

- a) Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat (gaji permulaan; F29:P1T1 RM1544.86); ATAU
- b) Diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektronik (Komputer) (gaji permulaan; F29:P1T2 RM1611.41)

### Deskripsi tugas:

- Menjalankan prosidur pemindahan data yang diperolehi daripada kawasan kajian ke dalam sistem pangkalan data
- Menyelenggara keperluan teknikal di dalam pembinaan rangkaian kawasan setempat di kawasan kajian.
- Melaksanakan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Projek atau Ketua Operasi dari semasa ke semasa

### 3. **PEMBANTU PENYELIDIK Q17**

- a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (gaji permulaan; Q17: P1T1 RM823.40); DAN
- b) Lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk ujian lisan) pada peringkat SPM
- c) Keutamaan diberikan kepada calon yang lulus subjek atau mempunyai sijil berkaitan teknologi maklumat dan perkomputeran atau berpengalaman dalam mengendalikan dan menyenggara komputer

Deskripsi tugas:

- Bertanggungjawab untuk mendapatkan data-data daripada peserta projek (menjalankan soal selidik dan pengukuran), menguruskan data-data yang diperolehi dan memasukkannya ke dalam sistem

#### **Deskripsi tugas bagi calon Pembantu Penyelidik Q17 merangkap juruteknik komputer:-**

- Membantu Penolong Pegawai Teknologi Maklumat menjalankan prosidur pemindahan data yang diperolehi daripada kawasan kajian ke dalam sistem pangkalan data
- Membantu dalam menyelenggara keperluan teknikal di dalam pembinaan rangkaian kawasan setempat di kawasan kajian.
- Melaksanakan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Projek atau Ketua Operasi dari semasa ke semasa

### 4. **PEMANDU R3**

- a) Sekurang- kurangnya tamat darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan
- b) Memiliki lesen memandu kelas D/E/E1/E2 (gaji permulaan; R3: P1T3 RM783.10)
- c) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan
- d) Calon yang berpengalaman dan boleh memandu jauh/ luar Kuala Lumpur akan diberi keutamaan

#### **LAIN-LAIN**

- ❖ Bagi jawatan (2) & (3), keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang belum berkahwin/ bujang dan boleh bekerja di lapangan atau luar Kuala Lumpur
- ❖ Makanan, minuman, pengangkutan & penginapan ditanggung semasa bertugas di lapangan
- ❖ Dilindungi oleh Skim Insuran Takaful Berkelompok

**Tarikh tutup : 5 November 2010 (Jumaat)**

**Taraf jawatan : semua jawatan di atas bertaraf KONTRAK**

Sila layari [www.mycohort.gov.my](http://www.mycohort.gov.my) ATAU *emel ke alamat berikut* ATAU *datang sendiri ke pejabat kami* untuk mendapatkan [borang permohonan](#) dan sebarang maklumat lanjut.

Hanya borang lengkap berserta 1 keping gambar berukuran pasport, 1 salinan Kad Pengenalan, 1 salinan Sijil Kelahiran, salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan sahaja akan dipertimbangkan. Hantarkan permohonan anda ke alamat berikut:-

**Sekretariat The Malaysian Cohort  
Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI)  
Tingkat 7, Blok Klinikal, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak  
56000 Cheras, Kuala Lumpur  
(u.p Bahagian Pentadbiran/ perjawatan)**

**Tel : 03-91710415**

**Fax : 03-91710397**

**Emel : [the\\_malaysian\\_cohort@yahoo.com.my](mailto:the_malaysian_cohort@yahoo.com.my)**

*\*\* Calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri temuduga*